

# PELAKSANAAN PEMBELAJARAN KONTEKSTUAL DALAM MATAPELAJARAN ALIRAN VOKASIONAL DI SEKOLAH MENENGAH AKADEMIK HARIAN: SATU KONSEPTUAL

Solihah Binti Ilias

Sekolah Menengah Kebangsaan Raja Tun Uda,  
Bayan Lepas, Pulau Pinang.  
[solihah.mpputhm@gmail.com](mailto:solihah.mpputhm@gmail.com)

Mohamad Hisyam bin Mohd. Hashim  
Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional,  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia  
[mhisyam@uthm.edu.my](mailto:mhisyam@uthm.edu.my)

## Abstrak

Keberkesanan pembelajaran bergantung kepada kaedah pembelajaran yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran. Pendidikan masa kini ingin melahirkan pelajar yang dapat membentuk perkembangan ilmu kemahiran, kerohanian, emosi dan jasmani manusia dengan menggunakan pelbagai pendekatan. Kertas kerja ini adalah konseptual yang membincangkan pelaksanaan pembelajaran secara kontekstual dalam matapelajaran aliran vokasional (MPV) di sekolah akademik harian di Pulau Pinang. Oleh itu, dengan pendekatan pembelajaran secara kontekstual ini yang merupakan salah satu inisiatif dalam meningkatkan pembelajaran pelajar diharapkan memberi impak positif sekaligus melahirkan sumber tenaga manusia yang lebih berkualiti dan mempunyai modal insan yang merupakan prasyarat kepada transformasi.

**Kata Kunci:** Pelaksanaan; Pembelajaran kontekstual; Kemahiran

## 1. Pengenalan

Pendidikan merupakan pelaburan pada masa depan dan juga amanah universal ke arah penambahbaikan kehidupan manusia. Ia penting untuk meningkatkan status ekonomi dan sosial rakyat kerana ia merupakan faktor penentu kejayaan ke arah pembangunan negara dan bangsa serta memenuhi keperluan pasaran tenaga kerja. Dalam terjemahan teks ucapan YAB Datuk Seri Mahathir bin Mohamad, mantan Perdana Menteri Malaysia yang ke empat sempena persidangan pertama majlis perdagangan Malaysia di Kuala Lumpur,

*“Dalam usaha kita untuk maju, tidak ada yang lebih penting daripada pembangunan sumber manusia”*

Hal ini menunjukkan bahawa rakyat kita merupakan sumber semula jadi paling utama yang terdiri daripada bakat, kemahiran, kepakaran, kekretifan dan semangat rakyat. Oleh yang demikian, dalam pembangunan sumber manusia, sistem pendidikan memainkan peranan yang penting.

Malaysia mempunyai satu sistem pendidikan yang terbaik di dunia ketiga. Pendidikan di Malaysia adalah salah satu usaha ke arah memperkembangkan lagi

potensi individu secara menyeluruh dan bersepada. Seperti contoh, sistem pendidikan kini telah banyak dipengaruhi oleh reformasi teknologi yang semakin canggih dari semasa ke semasa. Ini menunjukkan bahawa bidang pendidikan turut mengalami gelombang perubahan berdasarkan peredaran zaman. Contohnya di Amerika Syarikat, model yang digunakan di Amerika Syarikat ialah Model Integrasi Pendidikan Akademik Dan Vokasional. Kajian yang dijalankan di Amerika Syarikat mendapati sebanyak lapan model pendekatan yang telah dilaksanakan dalam usaha integrasi ini (Grubb, Davis, Philal & Morgan, 1995). Antara model tersebut ialah memperbaikkan isi kandungan akademik ke dalam kursus-kursus vokasional, penyatuan guru-guru vokasional dan akademik untuk meningkatkan kemahiran akademik dalam pendidikan vokasional, mengaitkan kurikulum akademik dengan alam vokasional, penyelarasaran kedua-dua kurikulum, integrasi melalui projek tahun akhir, model akademik, sekolah magnet dan sekolah tinggi dan yang terakhir sekali kelompok kerjaya. Pelbagai usaha telah dilaksanakan. Begitu juga dengan Malaysia, selaras dengan wujudnya wawasan negara iaitu wawasan 2020 yang ingin melihat kemajuan seiring dengan perkembangan teknologi yang dinamik, peningkatan kualiti dalam sistem pendidikan negara dinilai semula secara berterusan dan diperbaiki. Pelbagai pihak yang terlibat khususnya Kementerian Pelajaran Malaysia meneruskan kerja mencari jalan terbaik dalam agenda ini.

Lantaran itu, sistem pendidikan terus mengalami pelbagai perubahan bagi mewujudkan insan yang seimbang dan harmoni dari segi jasmani, emosi rohani dan intelek. Pada tahun 1999, Jabatan Pendidikan Teknikal yang ininya dikenali sebagai Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (BPTV) telah memperkenalkan proses pengajaran dan pembelajaran secara kontekstual kepada semua pelajar sekolah menengah teknik. Justeru itu, pembelajaran tersebut telah dilaksanakan di sekolah menengah vokasional dan sekolah menengah harian. Oleh yang demikian, sejauhmana perubahan yang berlaku dalam sistem pendidikan di Malaysia memberi impak kepada masyarakat dan negara.

## 2. Latar belakang masalah

Pelancaran matapelajaran aliran vokasional di sekolah menengah akademik pada tahun 2002 di sekolah akademik menengah atas merupakan satu inovasi besar Kementerian Pelajaran Malaysia. Sebelum matapelajaran bercorak vokasional ditawarkan kepada pelajar di sekolah menengah akademik, mereka terpaksa memohon di sekolah menengah teknik ataupun sekolah menengah vokasional yang tempatnya agak terhad. Tetapi pelajar boleh menarik nafas lega kerana sekarang sudah terdapat matapelajaran aliran vokasional di sekolah menengah akademik.

Pendidikan vokasional di Malaysia bermula pada tahun 1926 melalui sekolah pertukangan dan dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 1967 hasil daripada idea Penyata Razak 1956 dan Rahman Talib 1960 (Abu Bakar Nordin dan Ihsan Othman, 2003). Pendidikan vokasional di Malaysia bermatlamatkan untuk memberi peluang kepada pelajar yang mempunyai kecenderungan dalam bidang sains dan teknologi bagi memperkasakan kebolehan dan kemahiran tinggi mereka dalam bidang ini. Kursus ini yang ditawarkan bertujuan untuk membolehkan pelajar yang berpotensi menjadi tenaga kerja separa mahir atau mahir dalam pelbagai bidang teknikal. Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin yang juga Menteri Pelajaran Malaysia (Berita Harian, 12 April 2010) berkata,

*“ Pelajar harus diperkenalkan dengan bentuk pekerjaan dan kepentingannya berdasarkan keperluan negara meliputi tenaga kerja am, tenaga kerja mahir, tenaga kerja semiprofessional dan tenaga profesional”.*

Semenjak diperkenalkan kurikulum aliran sekolah vokasional telah mengalami satu perubahan yang besar apabila Jawatankuasa Kurikulum Pusat (JKP) telah

meluluskan pelaksanaan matapelajaran aliran vokasional (MPAV) secara modular bagi menggantikan matapelajaran vokasional (MPV) secara konvensional. (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003).

Sepertimana yang kita ketahui, pendidikan merupakan salah satu daripada mekanisme penting negara di dalam mencapai wawasan 2020. Menjelang tahun 2020, Malaysia akan menjadi sebuah negara yang maju. Usaha ke arah ini, negara memerlukan tenaga dan kepakaran di pelbagai peringkat pengetahuan dan kemahiran dengan penuh disiplin serta ketinggian etika. Dalam ucapan pembangunan modal insan penjana wawasan 2020, mantan Perdana Menteri Malaysia yang ke lima YAB Dato Seri Abdullah Ahmad Badawi berucap di Sidang Kemuncak Pendidikan, 27 April 2004, menyatakan bahawa membangunkan sistem pendidikan bertaraf dunia merupakan agenda utama kerajaan. Salah satu petanda kelemahan kita adalah jumlah tinggi bagi siswazah menganggur. dimaklumkan bahawa kira-kira 20% graduan menganggur. Setiap minggu, kita melihat rencana dalam akhbar-akhbar menjelaskan kepada kita mengapa pasaran pekerjaan tidak mahu mengambil mereka dalam pekerjaan antara lain, kurang kemahiran berkomunikasi, kurang kemampuan berfikir, kurang bertenaga dan inisiatif.

Matapelajaran aliran vokasional (MPAV) adalah persiapan untuk menampung kekurangan sumber tenaga manusia selain daripada mengurangkan masalah sosial dan disiplin pelajar. Pembangunan negara banyak bergantung kepada ekonominya. Bidang perniagaan, perusahaan dan perdagangan akan berkembang dari bentuk pasaran secara kecil-kecilan kepada usaha yang luas diperingkat dunia. Matapelajaran aliran vokasional (MPAV) merupakan salah satu sumber bagi menyediakan tenaga kerja separa mahir atau mahir dalam pelbagai ilmu pengetahuan dan kemahiran untuk mengerakkan dan menyuburkan ekonomi negara. Hal ini kerana dengan MPAV, sistem pendidikan yang membentuk kemahiran pelajar dapat dilaksanakan disamping dapat melahirkan modal insan. Seperti diakui Pengarah Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional Kementerian Pelajaran, Ahmad Tajuddin Jab, pendidikan dan latihan vokasional sememangnya mempunyai peranan cukup penting dalam menyediakan laluan utama ke arah melahirkan modal insan yang berkemahiran tinggi seterusnya menyumbang kepada penjanaan kekayaan baru bagi Negara (Harian Metro, 21 September 2011).

Dato Seri Abdullah bin Hj Ahmad Badawi, mantan Perdana Menteri Malaysia yang ke lima telah mencetuskan revolusi idea dalam memberi penekanan terhadap usaha membangunkan modal insan sebagai satu landasan kecemerlangan generasi hadapan. Generasi hadapan merupakan aset insani Malaysia yang paling penting dalam usaha kerajaan merealisasikan kewujudan sebuah negara bangsa yang maju, cemerlang, gemilang dan terbilang menjelang wawasan 2020 (Jabatan Penerangan Malaysia, 2006).

Bagi merealisasikan matlamat tersebut, negara sentiasa berusaha menyediakan tenaga kerja berwibawa yang berbekalkan ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang, termasuk sains dan teknologi. Modal insan merupakan individu yang berilmu, berkeyakinan, mempunyai nilai murni dan moral yang tinggi, beretika, berbudi pekerti, bersopan-santun, berdisiplin, dinamik, inovatif, kreatif, sihat, bersemangat, patriotik, adil, progresif, cekal dan berdaya saing. Oleh itu, diharapkan kaedah pembelajaran secara kontekstual ini dapat menjadikan Malaysia sebuah negara yang pesat membangun dan menuju negara maju menjelang tahun 2020 mengikut acuan sendiri.

### 3. Pendekatan Pembelajaran Kontekstual

Perkataan pendekatan didefinisikan sebagai kaedah atau cara, langkah-langkah dan sebagainya yang diambil bagi memulakan dan melaksanakan tugas ataupun mengatasi masalah (Kamus Dewan,2002:284). Pembelajaran bermaksud kita mula memahami apakah makna kejayaan kepada kita, mengetahui apa yang telah kita capai (Christopher Bowring-Carr, John West-Burnham, 2010). Manakala perkataan

kontekstual didefinisikan sebagai berkaitan dengan atau menurut konteks (Kamus Dewan,2002:703).

Menurut John Dewey bahawa model pembelajaran ini diperkembangkannya pada tahun 1970-an. Konsep pembelajaran kontekstual ini lebih dikenali dengan experiential learning, kemudian pada tahun 1970-1980 lebih dikenali dengan applied learning. Pada tahun 1990-an model kontekstual ini dikenali dengan "school to work". Kemudian pada tahun 2000, model pembelajaran kontekstual ini lebih efektif digunakan.Oleh itu, pembelajaran kontekstual ialah kaedah pembelajaran yang menggabungkan isi kandungan dengan pengalaman harian individu , masyarakat dan alam pekerjaan. Kaedah ini menyediakan pembelajaran secara konkrit yang melibatkan aktiviti hands-on dan minds-on (Pusat Perkembangan Kurikulum,2009).

Kaedah pembelajaran juga dapat ditakrifkan seperti berikut (Tutor Utusan ,31 Disember 2001):

*"Proses pembelajaran yang merangkumkan contoh yang diterbitkan daripada pengalaman harian dalam kehidupan peribadi masyarakat serta profesi dan menyajikan aplikasi hands-on yang konkret (nyata) tentang bahan yang akan dipelajari."*

Mengikut teori pembelajaran kontekstual bahawa pembelajaran hanya akan berlaku apabila pelajar dapat memproses apa-apa maklumat atau pengetahuan baru dengan cara yang bermakna kepada mereka. Hal ini kerana daya fikiran atau minda mereka akan cuba untuk mencari makna dalam konteks, iaitu dengan membuat hubungkait yang bermakna dan relevan dengan persekitarannya. Malah pembelajaran yang dilalui oleh pelajar itu akan menjadi lebih bermakna dan berkesan serta maklumat yang diterima memberi makna kepada pelajar. Pembelajaran akan menjadi lebih bermakna sekiranya maklumat yang disampaikan kepada pelajar di dalam konteks yang pelbagai. Konteks yang pelbagai itu ialah dari segi budaya, fizikal, sosial dan psikologi. Selain itu juga, penekanan juga perlu diberikan kepada pelbagai persekitaran pembelajaran untuk menghasilkan pembelajaran yang berkesan seperti bilik darjah, makmal, bengkel, tempat kerja ataupun kehidupan harian.

Hal ini menunjukkan bahawa pengalaman harian dalam kehidupan pelajar merupakan perkara penting bagi melahirkan pelajar yang berkemahiran yang mengaplikasikan secara terus sebelum melangkah ke alam pekerjaan. Selain daripada kemahiran yang diperolehi, pelajar tersebut juga pada masa yang sama dapat membentuk modal insan dalam diri mereka. Lantaran itu, ia merupakan perkara utama dalam melahirkan sumber tenaga yang berkualiti. Pendekatan pembelajaran kontekstual ialah suatu pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang memiliki unsur cabaran, berkesan dan menyeronokkan serta dapat menyumbang ke arah pemeningkatan penguasaan kemahiran dan pretasi pelajar.

#### **4. Konsep Pembelajaran Kontekstual**

Konsep pembelajaran kontekstual adalah sesuatu strategi pembelajaran yang menekankan kepada proses penglibatan pelajar secara penuh bagi mengetahui segala yang dipelajari dan menghubungkaitkan situasi kehidupan harian sehingga mendorong pelajar menerapkannya dalam kehidupan mereka. Daripada konsep tersebut, terdapat tiga perkara yang harus difahami. Pertama, pembelajaran kontekstual menekankan kepada proses penglibatan pelajar secara terus iaitu proses pembelajaran yang berorientasikan pada proses pengalaman secara langsung. Wallace (2010) mentakrifkan pembelajaran melalui pengalaman sebagai pembelajaran.

*Penekanannya adalah ke atas tindakan aktif pelajar; mengutamakan pengalaman belajar mereka, memudahkan iaitu bertentangan dengan memberi pengetahuan, menjelaskan makna pengalaman melalui dialog refleksi antara pemudah cara dengan pelajar. Walaubagaimanapun, tiada perbezaan dibuat*

*antara beberapa peringkat yang berbeza dengan mereka mengaitkannya kepada konteks pembelajaran yang dibina untuk digunakan.*

Petikan di atas menimbulkan isu penting dalam pembelajaran yang menunjukkan bahawa pengalaman merupakan perkara penting di dalam pembelajaran seseorang. Proses belajar dalam konteks pembelajaran kontekstual tidak hanya mengharapkan pelajar hanya menerima pelajaran, tetapi proses mencari dan mengalaminya sendiri pembelajaran tersebut. Ia merupakan salah satu cara membentuk kemahiran pelajar itu sendiri.

Yang kedua ialah pembelajaran kontekstual mendorong pelajar sentiasa mengaitkan hubungan antara pembelajaran yang dipelajari dengan situasi kehidupan harian. Ia bermaksud, pelajar dituntut untuk melaksanakan atau mengaplikasikan pengalaman belajar di sekolah kepada kehidupan harian. Hal ini sangat penting kerana ia bukan hanya sekadar mengaplikasikan pembelajaran yang dipelajari dalam kehidupan harian, malah pembelajaran yang dipelajarinya itu akan tertanam erat di dalam minda pelajar sehingga tidak mudah dilupakan.

Seterusnya yang ketiga, pembelajaran kontekstual mendorong pelajar untuk menerapkannya dalam kehidupan mereka iaitu pembelajaran kontekstual bukan hanya mengharapkan pelajar dapat memahami pembelajaran yang dipelajari, malah pelajar tahu bagaimana pembelajaran yang dipelajari itu dapat mewarnai perilaku dalam kehidupan sehariannya. Ini merupakan salah satu kaedah pembentukan modal insan di dalam diri pelajar. Penyeldik merumuskan dalam buku *Theories of Learning* oleh Hilgard dan Bower, belajar berhubungan dengan perubahan tingkah laku seseorang terhadap sesuatu situasi tertentu yang disebabkan oleh pengalamannya yang berulang-ulang dalam situasi itu, dimana perubahan tingkah laku itu tidak dapat dijelaskan atas dasar kecenderungan respon pembawaan, kematangan atau keadaan-keadaan sesaat seseorang. Pelajar juga harus jelas bahawa pembelajaran kontekstual ini bukan sahaja untuk disimpan di akal fikiran dan kemudian dilupakan, tetapi ia sebagai bekalan mereka dalam mengharungi kehidupan dalam membina kerjaya kelak.

## 5. Bentuk Pembelajaran Kontekstual

Pembelajaran kontekstual sesuatu proses pendidikan membantu pelajar dalam pelajaran dengan cara menghubungkaitkan dengan konteks kehidupan mereka seharian sama ada berkaitan peribadi sosial ataupun budaya. Oleh yang demikian, objektif pembelajaran di dalam pembelajaran secara kontekstual dapat dicapai melalui pelbagai bentuk. Antara bentuk yang diutarakan adalah menghubungkait, mengalami, mengaplikasi, bekerjasama dan memindahkan (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2009).

### i. Menghubungkait

Merupakan strategi pengajaran yang menggunakan pengalaman kehidupan pelajar atau pengetahuan sedia ada pelajar. Pengajaran yang baik biasanya bermula dengan soalan dan fenomena yang menarik dan merupakan pengalaman biasa pelajar, bukan dengan pengabstrakan dan fenomena di luar lingkungan persepsi, kefahaman atau pengetahuan pelajar (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2009).

### ii. Mengalami

Strategi ini menglibatkan murid dengan aktiviti penerokaan, penemuan dan perekaan. Pengalaman secara hands-on ini termasuklah penggunaan manipulatif, aktiviti penyelesaian masalah dan aktiviti pembelajaran.

### iii. Mengaplikasi

Mengaplikasi merupakan strategi yang memberikan fokus kepada pengaplikasian pengetahuan. Latihan-latihan yang relevan dan realistik memberi motivasi kepada pelajar mempelajari konsep-konsep akademik pada aras kefahaman yang lebih mendalam. Masalah yang mengandungi situasi kehidupan sebenar akan menggalakkan pelajar untuk menghubungkan kandungan pengetahuan yang dipelajari dengan situasi kehidupan sebenar.

### iv. Bekerjasama

Tujuan pelajar bekerja secara kumpulan adalah untuk meningkatkan keyakinan dan motivasi pelajar dalam pembelajaran. Aktiviti kumpulan akan menstrukturkan suatu bentuk kebergantungan positif dan menggalakkan interaksi dan menimbulkan rasa tanggungjawab.


### v. Pemindahan

Dalam kelas, peranan guru diperluaskan untuk merangkumi penciptaan pelbagai pengalaman pembelajaran dengan memberi fokus kepada pemahaman berbanding penghafalan. Keupayaan pelajar menggunakan pengetahuan baru alam pelbagai konteks akan bertambah melebihi apa yang dipelajari di dalam kelas apabila guru membuat generalisasi terhadap maklumat asas selepas menggunakan maklumat atau pengalaman di dalam konteks yang spesifik.

Daripada lima langkah yang dinyatakan, dapat dirumuskan bahawa dalam proses pembelajaran kontekstual, objektif pembelajaran dapat dicapai sekiranya kelima-lima bentuk itu dihubungkaitkan oleh pelajar dengan pengalaman dan persekitaran. Oleh yang demikian, segala yang diajar oleh guru dimanfaatkan dengan cara mengaitkan pelajaran yang dipelajari dan mengaplikasikannya kepada situasi lain.

## 6. Pelaksanaan Pembelajaran Kontekstual

Dalam pendekatan pembelajaran kontekstual, strategi pengajaran dan pembelajaran mestilah memenuhi empat keperluan yang berikut iaitu motivasi, pemahaman, kemahiran dan penilaian (Pusat Perkembangan Kokurikulum, 2009).



Rajah 1.0: Pelaksanaan pembelajaran kontekstual

#### i. Motivasi

- Pengenalan
- Isu perbincangan
- Alat bantu mengajar

H.W. Bernard (1965), menyatakan motivasi ialah proses membangkitkan, mengekalkan dan mengawal minat. Syarifah Alwiah Alsagoff (1986) menghuraikan motivasi sebagai perangsang tindakan terhadap sesuatu tujuan yang dahulunya hanya terdapat sedikit atau tiada minat terhadap tujuan tersebut. Justeru itu, motivasi merupakan

perangsang minat seseorang individu ke arah mencapai sesuatu matlamat tertentu, termasuk mengubah sikap, minat dan tingkah lakunya.

ii. **Pemahaman**

- Penerangan konsep dan perbincangan kelas
- Bacaan dan melakukannya

Segmen ini merangkumi kemahiran pelajar yang berkaitan dengan tajuk yang dipelajari. Kaedah penyampaian maklumat harus dipelbagaikan agar dapat menarik minat pelajar dan memahami sesuatu konsep tersebut. Pelajar diberikan kebebasan mengutarakan perkara-perkara yang berkaitan.

iii. **Kemahiran**

- Aktiviti hands-on
- Penyelesaian masalah

Pengetahuan yang diperoleh pelajar dapat diaplikasikan dengan cara melakukan *hands-on* dan seterusnya dapat mencetus pemikiran pelajar (*minds-on*). Dengan ini pelajar dapat mengaitkan pengetahuan di bilik darjah untuk menyelesaikan masalah harian. Guru boleh menyediakan senario untuk membantu pelajar menyelesaikan masalah.

iv. **Penilaian**

- Ingat kembali fakta utama
- Penilaian kemajuan

Penilaian tidak hanya dilakukan secara bertulis,tetapi penilaian dapat dilaksanakan secara lisan ataupun pemerhatian. Menurut Alfie Kohn (2010), guru yang cemerlang tidak bergantung pada ujian pensel dan kertas ini. Mereka hanya perlu melihat bagaimana para pelajarnya membuat. Guru yang mengamalkan teori pembelajaran secara konstruktivisme atau membina selalu memerhati dan mendengar para pelajarnya. Mereka mencipta tugas yang diberikan kepada pelajar dan cara menguruskan kelas yang dapat membantu para pelajar belajar sesuatu yang bermakna.

Antara aktivitinya adalah seperti kuiz berkumpulan, perbincangan antara kumpulan dan penyediaan portfolio. Perubahan sikap dan perlakuan yang dapat dilihat juga boleh digunakan sebagai petunjuk bahawa pelajar telah menghayati isi pelajaran.

## **7. Keberkesanan Pelaksanaan Pembelajaran Kontekstual**

Matlamat utama pembelajaran secara kontekstual adalah untuk menghasilkan pelajar yang berkualiti. Bagi menjayakannya, semua pihak perlu mengetahui perkara yang perlu dipertimbangkan bagi pelaksanaan pembelajaran secara kontekstual ini berkesan. Antara perkara yang perlu dipertimbangkan adalah dari segi:

- i. Komunikasi
- ii. Pengajaran guru
- iii. Sokongan pentadbir sekolah
- iv. Sokongan masyarakat.

i. **Komunikasi**

Komunikasi, di dalam konteks pendidikan boleh diertikan sebagai sesuatu proses penyampaian atau pertukaran maklumat di antara dua individu atau di antara seorang individu dengan sekumpulan orang (Mok Soon Sang,2001). Justeru itu, pembelajaran kontekstual yang berjaya memerlukan komunikasi berterusan dikalangan guru,

pelajar, ibu bapa dan masyarakat. Maklum balas daripada pelajar adalah satu komponen yang penting untuk mengukur keberkesanannya pembelajaran kontekstual.

#### **ii. Pengajaran guru**

Pengajaran guru merupakan perkara penting dalam keberkesanannya pembelajaran secara kontekstual. Antara perkara penting di dalam pengajaran guru adalah seperti teks dan bahan sokongan, suasana bilik darjah, kurikulum, persekitaran luar sekolah dan penilaian.

#### **iii. Sokongan pentadbir sekolah**

Sokongan pentadbir sekolah memainkan peranan penting dalam pelaksanaan pembelajaran kontekstual. Sokongan pentadbiran sekolah terdiri daripada kepimpinan, kewangan, masa, infrastruktur dan perkembangan staf.

#### **iv. Sokongan masyarakat**

Kerjasama diantara masyarakat dan sekolah merupakan perkara yang positif. Hal ini kerana hubungan rapat antara sekolah dengan industri adalah penting untuk mendapatkan sokongan teknikal, kewangan dan dapat memberi pendedahan kemahiran kepada pelajar berkaitan alam pekerjaan (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2009).

### **8. Faedah Pembelajaran Kontekstual**

Faedah pembelajaran kontekstual boleh dibahagikan kepada tiga iaitu:

- i. Pelajar
- ii. Guru
- iii. Industri

#### **i. Pelajar**

Bagi pihak pelajar, pelajar dapat mengaitkan matapelajaran yang dipelajari dengan pekerjaan atau kehidupan. Selain itu juga, pelajar boleh mengaitkan kandungan mata pelajaran dengan pengalaman harian. Pelajar boleh memindahkan kemahiran, meneroka, mendapatkan bukti, menguasai perkara abstrak melalui pengalaman konkret dan pelajar boleh belajar secara kumpulan.

#### **ii. Guru**

Guru dapat menjadikan pengajaran sebagai satu pengalaman yang berjaya, mengaitkan prinsip-prinsip matapelajaran dengan dunia pekerjaan dan menjalinkan penghubungan antara pihak akademik dan vokasional atau pihak industri.

#### **iii. Industri**

Bagi pihak industri, mereka menerima tenaga kerja yang berpotensi untuk dilatih atau dilatih semula secara berkesan mengikut keperluan. Selain itu juga, ia dapat mengerakkan industri ke dalam pendidikan sebagai rakan kongsi.

Pembelajaran secara kontekstual dapat membina keyakinan diri kerana pelajar dapat memahami perhubungan antara teori dan amalan. Pembelajaran secara kontekstual juga membina pendekatan kerja kumpulan untuk menyelesaikan sesuatu masalah. Sekolah dapat memainkan peranan sebagai penghubung antara akademik dan alam pekerjaan dan dengan itu mendapat sokongan dan dokongan industri. Pendekatan kontekstual dapat membina asas kukuh tenaga kerja mahir masa depan untuk menguatkan kedudukan negara di peringkat dunia (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2009).

## 9. Rasional Pembelajaran Kontekstual Dalam Matapelajaran Aliran Vokasional

Pembelajaran secara kontekstual ialah suatu pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang memiliki unsur cabaran, berkesan dan menyeronokkan dan dapat menyumbang ke arah peningkatan penguasaan kemahiran dan pretasi pelajar. Oleh yang demikian, pembelajaran kontekstual diperlukan dalam pengajaran dan pembelajaran matapelajaran aliran vokasional bagi memperkasakan lagi standard pembelajaran mereka.

Antara rasional pembelajaran kontekstual dalam matapelajaran aliran vokasional ialah:

1. Pembelajaran kontekstual menyedari bahawa individu yang mempelajarinya dapat mengekalkan maklumat dengan lebih berkesan melalui pengalaman yang dilaluinya sendiri. Apa yang jelas ialah pembelajaran melalui pengalaman menggunakan praktikal memenuhi kebanyakkan kriteria untuk belajar yang dikatakan oleh Kolb dan inti partinya adalah refleksi dan kejurulatihan.
2. Kebanyakkan individu dapat belajar dengan yakin dan berkesan melalui pengalaman yang melibatkan peribadi, aktiviti hands-on dan peluang untuk penemuan kendiri. Wallace (2010), menyatakan bahawa:

*"Persembahan teori dan demonstrasi pengajaran yang baik mengikut rasional ini memberikan asas membina konsep awal dan pemerhatian sementara amalan, maklum balas dan kejurulatihan memberikan peluang percubaan, pengalaman yang mantap, melalui pendekatan pembelajaran yang holistik dan bersepadau, mengenali dan menghormati setiap individu serta memaparkan ketekalan berkaitan strategi pembelajaran untuk keperluan individu tanpa mengira umur.*

3. Individu mudah belajar seandainya konsep yang disampaikan guru mempunyai hubungan konteks, bermakna dan tidak asing kepadanya.
4. Individu berupaya belajar dengan lebih berkesan melalui komunikasi interpersonal, berkongsi maklumat, bekerjasama, saling bantu-membantu, maklum balas yang positif dan belajar secara berpasukan. Senge (1990) mendefinisikan pembelajaran berpasukan sebagai:

*Proses untuk menyelaraskan dan mengembang kemampuan pasukan untuk membina hasil yang benar-benar diharap oleh ahli. Ia dibina atas usaha mengembangkan wawasan bersama. Ia juga dibina atas penguasaan kendiri, kerana pasukan berbakat terdiri daripada individu berbakat.*

5. Pembelajaran kontekstual mengambil kira pelbagai gaya pembelajaran. Menurut Dunn dan Dunn dalam buku *Teaching Students Through Their Individual Learning Styles: A Practical Approach*, penyelidik menyimpulkan bahawa merujuk gaya pembelajaran sebagai cara seseorang individu menumpukan

perhatiannya untuk memahami dan mengingati sesuatu maklumat atau kemahiran baru.

6. Kebanyakkan individu berupaya belajar dengan lebih berkesan melalui komunikasi interpersonal, berkongsi maklumat, bekerjasama, saling bantu-membantu, maklum balas yang positif dan belajar secara berkumpulan.
7. Pembelajaran kontekstual menyokong pembelajaran bersepada yang menyeluruh selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan keperluan pelajar.
8. Pembelajaran kontekstual peka kepada pemindahan pembelajaran pelajar dari satu situasi ke situasi yang lain merupakan suatu kemahiran yang perlu pelajar pelajari.

## 10. Isu dan Cabaran

1. Proses pengajaran dan pembelajaran MPV menggunakan pendekatan pembelajaran secara kontekstual. Penggunaan modul pembelajaran memastikan pelajar dapat menguasai sesuatu tugas dalam sesuatu kompetensi, sebelum mereka bergerak ke tugas yang baru. Oleh itu selain aspek kemahiran yang perlu dikuasai oleh seseorang guru MPV, pelajar juga harus menguasai kemahiran tersebut untuk memperolehi kompetensi yang baik.
2. Penyediaan pembelajaran secara kontekstual, pihak sekolah perlu mengadakan usahasama dengan pihak industri atau mana-mana syarikat. Dengan ini pelajar mendapat pendedahan yang awal disamping mempelajari dan memahami prinsip-prinsip seterusnya mengaplikasikannya kelak.
3. Kepentingan menekankan keperluan ‘kemahiran bukan teknikal’ atau ‘*employability skills*’ perlu diambil kerana kompetensi adalah satu unit tugasan yang mengintegrasikan pengetahuan teknikal, kemahiran dan sikap dalam menggunakan alat, bahan, keselamatan dan kaedah atau teknik untuk menyempurnakan tugas yang berkaitan dengan sesuatu pekerjaan. Tiga kategori kemahiran kebolehkerjaan iaitu kemahiran asas akademik, kemahiran berfikir dan kualiti peribadi (Alabama Coop Exten. Sys. 2002).

## 11. Cadangan-cadangan

Sebagai rumusan, beberapa langkah yang wajar perlu diberi perhatian oleh semua pihak bagi meningkatkan lagi mutu pengajaran dan pembelajaran dalam negara kita:

1. Industri perlu terlibat dalam perancangan kurikulum dan perkembangan pendidikan vokasional agar latihan yang diberikan

- kepada pelajar dapat dihubungkaitkan dengan dunia pekerjaan yang sebenar.
2. Program pendidikan vokasional mestilah disokong dan dibantu sepenuhnya oleh sistem pentadbiran dan politik yang ada.
  3. Pendidikan sekolah aliran akademik mulai peringkat yang rendah sehingga ke sekolah menengah perlu diterapkan dengan pendekatan pembelajaran secara kontekstual.
  4. Meningkatkan kualiti latihan dan kursus. Dalam memenuhi cadangan ini, guru perlu mempunyai pengetahuan terkini, berorientasikan industri atau pengalaman kerja dalam industri.

## 12. Kesimpulan

Kejayaan dan keberkesanannya dalam sesuatu perkara bergantung kepada perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian secara berterusan. Pelaksanaan pembelajaran secara kontekstual dengan harapan dapat melahirkan sumber manusia yang berkualiti, berdaya saing, beretika, adil, cekal dan dapat meningkatkan ekonomi negara. Kajian ini juga merupakan salah satu landasan untuk mengetahui keberkesanannya penerapan modal insan kepada pelajar bagi melahirkan masyarakat yang dapat berbakti kepada agama, bangsa dan negara. Oleh itu, kerjasama semua pihak adalah diharapkan dapat merealisasikan cita-cita negara kita ke arah menjadi sebuah negara yang setanding dengan negara-negara maju yang lain.

## Bibliografi

Abu Bakar Nordin dan Ikhsan Othman. 2003. *Falsafah Pendidikan dan Kurikulum*. Kuala Lumpur: Quantum Books.

Alfie Kohn. 2010. *Inilah Sekolah Idaman Pelajar (The Schools Our Children Deserve)*. Terj. Rosnani Kamaruddin. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad dan Institut Aminuddin Baki.

Biro Tatanegara. 1991. *Wawasan 2020*. Kuala Lumpur : Jabatan Perdana Menteri Malaysia

Christopher Bowring-Carr, John West-Burnham. 2010. *Belajar Secara Berkesan Di Sekolah (Effective Learning in Schools)*. Terj. Annuar Ayub. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad dan Institut Aminuddin Baki.

Harold W. Bernard. 1965. *Psychology of Learning and Teaching*. New York: John Wiley.

Jabatan Penerangan Malaysia. 2006. Buku Rasmi Tahunan Malaysia.

John West-Burnham & Fergus O'Sullivan. 2010. *Mengembangkan Profesionalisme Di Sekolah (Leadership and Professional Development in Schools)*. Terj. Hamidah Baba. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad dan Institut Aminuddin Baki.

Kamus Dewan. 2002. Ed. ke 3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kementerian Pelajaran Malaysia. 2010, April 12. *Latihan Vokasional, Teknikal Perlu Perancangan Awal*. Berita Harian, hlm 17.

Kementerian Pelajaran Malaysia. 2011, September 21. *Transformasi Pendidikan Vokasional Fokus Kemahiran*. Harian Metro, hlm 10.

Mok Soon Sang, 2002. *Ilmu Pendidikan untuk KPLI (kursus Perguruan Lepasan Ijazah)*. Ed. ke 2. Selangor: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

Mok Soon Sang. 2001. *Psikologi Pendidikan untuk Kursus Diploma Perguruan*. Selangor: Kumpulan Budiman Sdn.Bhd.

Pembangunan Modal Insan Penjana Wawasan 2020. 2004. Sidang Kemuncak Pendidikan. Dicapai pada 17 Oktober 2010.

<http://jpmportal.prison.gov.my/akademi/images/ArkibAKM/pembangunan%20modal%20insan%20penjana%20wawasan%202020.pdf>

Perbandingan diantara AS dan Malaysia. Dicapai pada 16 Oktober 2010.

<http://www.scribd.com/doc/4787371/perbandingan-pendidikan-teknik-dan-vokasional-antara-AS-dgn-Malaysia>

Pusat Perkembangan Kurikulum. *Pembelajaran Secara Kontekstual*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.

Senge.P. 1990. *The Fifth Discipline*. New York: Doubleday.

Shaifah Alwiah Alsagoff. 1987. *Psikologi Pendidikan* 1. Malaysia: Heinemann Sdn. Bhd.

Tutor Utusan. 2001, Disember 31. P&P Kontekstual Sains dan Matematik. Dicapai pada 17 Oktober 2010.

[http://www.tutor.com.my/tutor/dunia.asp?y=2001&dt=1231&pub=DuniaPendidikan&sec=Kertas\\_Kerja&pg=kk\\_01.htm](http://www.tutor.com.my/tutor/dunia.asp?y=2001&dt=1231&pub=DuniaPendidikan&sec=Kertas_Kerja&pg=kk_01.htm)

Wallace.M. 1991. *Schoolcentred Management Training*. London: Chapman